

07 AUG 1997

DR MAHATHIR MENERIMA POTRETNYA YANG DISULAM

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Sebuah potret sulaman menunjukkan wajah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disampaikan kepada beliau semasa melawat pameran "Asean-SMI Showcase 1997".

Potret sulaman itu memenangi pertandingan "Grand Eurostitch Embroidery" pada 1995.

Potret itu disampaikan oleh Pengurus Besar Rand Asia Sdn Bhd, Harald Chia kepada Dr Mahathir semasa beliau melawat ruang pameran syarikat itu di pameran yang diadakan di sini sempena Forum Perniagaan ASEAN-Asia Timur

Perdana Menteri sebelum itu telah melancarkan forum perniagaan itu.

Menurut majalah Eurostitch, potret Perdana Menteri itu dipilih kerana beliau dikenali di peringkat dalam negeri dan antarabangsa atas sumbangan besar beliau kepada keamanan dunia dan juga kejayaan beliau dalam menjadikan Malaysia sebuah negara membangun yang berjaya.

Di samping itu ia dipilih kerana ia nampak begitu realistik dengan butir-butir dan bayangan yang sukar dibezakan. Warna-warna yang digunakan adalah hampir sama seperti dalam gambar dengan setiap butir-butir terperinci diambil kira, mata yang hidup dan cerah serta persamaan yang sukar dibezakan.

Chia berkata, ia mengambil "sedikit masa" untuk menyiapkan potret itu kerana perlu berhati-hati dalam memilih warna.

Rand Asia Sdn Bhd, yang didirikan pada 1994 dengan modal berbayar sebanyak RM300,000, merupakan pengedar tunggal peralatan sulaman di Asia Tenggara. -- BERNAMA

ARA PR